



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 13 /2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEPERIKSAAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961
DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN
DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa semua pegawai Perkhidmatan Awam dalam tanggaji **B2/B2 EB3 dan ke atas atau sebanding dengannya** adalah dikehendaki untuk lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam iaitu Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan, dan Peraturan-Peraturan Kewangan.

2. Ini adalah bagi memastikan Peraturan-Peraturan berkenaan diketahui, difahami dan dipatuhi oleh semua pegawai demi untuk menjaga integriti dan meningkatkan kecekapan Perkhidmatan Awam.
3. Keperluan lulus peperiksaan ini adalah dijadikan syarat sebelum seseorang itu layak untuk ditetapkan dalam jawatannya atau dinaikkan pangkat ke jawatan seterusnya.
4. Pengecualian hanya diberikan kepada pegawai-pegawai berikut:
 - i. Pegawai-pegawai kontrak luar negeri yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; dan
 - ii. Pegawai-pegawai dalam Bahagian I yang dilantik **sebelum 23 Mac 2009**.

Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai berkenaan dikehendaki mengetahui Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan, dan Peraturan-Peraturan Kewangan melalui inisiatif sendiri dan jika diperlukan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam / Institut Perkhidmatan Awam / Jabatan Perbendaharaan boleh memberikan bantuan dengan mengadakan program-program bersesuaian.

5. Kurikulum Peperiksaan akan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan, dan Peperiksaan akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Setiap pertanyaan bolehlah dirujuk kepada Unit Pembangunan dan Pengurusan Kualiti, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
6. Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan: 7/2005 adalah dengan ini dibatalkan.
7. Surat Keliling ini berkuatkuasa pada **10 Oktober 2009**.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.


[**AWANG SA BALI BIN ABAS**]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (13)JPM/SK/2009
Tarikh : 20 Syawal 1430 / 10 Oktober 2009